

05/02/2001

Rakyat wajar waspada terima maklumat

PORT DICKSON, Ahad - Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, mengingatkan rakyat supaya berhati-hati apabila menerima maklumat daripada mana-mana pihak.

Menurutnya, maklumat walaupun penting tetapi apabila tidak tepat atau disalahgunakan, akibatnya amat buruk.

Katanya, ini kerana banyak pihak pada peringkat antarabangsa cemburu dengan kejayaan Malaysia dibawah kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Dr Mahathir terkenal bukan kerana suka mengkritik, tetapi berani menegakkan keadilan dan tidak hanya mengikut telunjuk sesetengah pihak seperti Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF)," katanya.

Bercakap ketika merasmikan majlis malam mesra Persatuan Kelab-Kelab Belia Malaysia (MAYC) di padang rumah rakyat Telok Kemang dekat sini, malam tadi, beliau berkata pihak terbabit akan terus cuba mengganggu kestabilan negara dengan pelbagai cara.

Syed Hamid yang juga Presiden MAYC berkata, amat penting rakyat tidak leka bagi mengelakkan negara terjerumus dalam konflik ekonomi, sosial dan politik yang melanda sesetengah negara.

Katanya, kestabilan dan keamanan yang menyebabkan Malaysia terkenal di dunia antarabangsa perlu dipertahankan.

Katanya, faktor itu juga menyebabkan Malaysia menjadi negara contoh kerana sukar untuk melihat sebuah negara yang rakyatnya pelbagai kaum, budaya dan agama dapat hidup bersama dalam keadaan harmoni.

"Keadaan ini mungkin dianggap sebagai perkara biasa oleh rakyat kita, tetapi sebenarnya amat luar biasa jika dilihat keadaan yang sama di negara lain.

"Di sesetengah negara lain, rakyat yang sebangsa, budaya dan agama pun hidup bermusuhan.

"Sebab itu rakyat perlu bersyukur dengan keadaan hidup di negara ini yang bukan saja aman, tetapi makmur. Oleh itu, perpaduan amat penting bagi memastikan kemakmuran ini berkekalan," katanya.

Syed Hamid berkata, golongan pelampau tidak boleh dibiarkan wujud di negara ini dan setiap perkara perlu berasaskan kesederhanaan dan tolak ansur.

Katanya, MAYC percaya rakyat mendapat banyak manfaat hasil pemerintahan kerajaan sekarang.

"Kerajaan tidak menjanjikan langit dan bulan, tetapi rekod cemerlang pemerintahan kerajaan memajukan negara sejak merdeka adalah bukti yang perlu dihargai," katanya.

(END)